



TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Selaras dengan persetujuan Mesyuarat Laman Web Bil.3/2017, Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM) diwujudkan. Jawatankuasa ini mempunyai fungsi yang berkaitan dengan hal ehwal pengurusan data, maklumat dan laman web.
- 1.2 Mesyuarat Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS bil.1/2018 telah bersetuju agar satu jawatankuasa kecil di bawah Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM) yang berkaitan dengan pengurusan laman web diwujudkan.
- 1.3 Sehubungan dengan itu, Terma Rujukan Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) telah diluluskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM) Bil.1/2019.
- 1.4 Dengan pelantikan *Chief Information Officer* (CIO) UMS. Mesyuarat Jawatankuasa Data dan Maklumat UMS (JDM) bil.1/2020 telah mencadangkan agar Terma Rujukan Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) dikemaskini dengan mengambil kira perubahan struktur pengurusan UMS.

2.0 TUJUAN PENUBUHAN JAWATANKUASA

- 2.1 Tujuan utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan pembangunan strategik, penetapan dasar, prosedur dan keperluan berkaitan laman web dapat dilihat secara menyeluruh.

3.0 NAMA JAWATANKUASA

- 3.1 Jawatankuasa yang dicadangkan berhubung pengurusan laman web Universiti Malaysia Sabah ialah **Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW)**.

4.0 JAWATANKUASA INDUK KEPADA JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

- 4.1 Jawatankuasa Pemandu ICT UMS (JP ICT) adalah jawatankuasa induk bagi Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW).

5.0 FUNGSI JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

- 5.1 Menetapkan dasar, garis panduan dan prosedur pengurusan laman web.
- 5.2 Menentukan keperluan kajian semula kandungan laman web utama UMS.
- 5.3 Menentukan konsep reka bentuk dan susun atur laman web.
- 5.4 Memastikan kandungan dalam laman web adalah terkini dan sahih.
- 5.5 Memastikan keseragaman dalam penyampaian maklumat di laman web.
- 5.6 Mengikuti dan memantau kandungan laman web rasmi Universiti dan laman web JFPIB.

6.0 KEAHLIAN JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

- 6.1 Keahlian Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) adalah seperti berikut:

Pengerusi : *Chief Information Officer* (CIO),
Universiti Malaysia Sabah

Timbalan Pengerusi I : Pengarah,
Pusat Pengurusan Data dan Maklumat

Timbalan Pengerusi II : Pengarah,
Pusat Pengurusan Strategik dan
Komunikasi Korporat

Timbalan Pengerusi III : Pengarah,
Jabatan Teknologi Maklumat dan
Komunikasi

Setiausaha : Ketua Seksyen Pentadbiran,
Pusat Pengurusan Data dan Maklumat

Urus Setia : Seksyen Pentadbiran,
Pusat Pengurusan Data dan Maklumat

Ahli-ahli:

1. Pengurus Web, Jabatan Pendaftar
2. Pengurus Web, Jabatan Bendahari
3. Pengurus Web, Jabatan Hal Ehwal Pelajar
4. Pengurus Web, Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

5. Pengurus Web, Perpustakaan
6. Pengurus Web, Pejabat Canselori
7. Pengurus Web, Penerbit UMS
8. Pengurus Web, UMS Kampus Antarabangsa Labuan
9. Pengurus Web, Hospital Universiti Malaysia Sabah
10. Pengurus Web, Fakulti Sains dan Sumber Alam
11. Pengurus Web, Fakulti Kejuruteraan
12. Pengurus Web, Fakulti Komputeran dan Informatik
13. Pengurus Web, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
14. Pengurus Web, Fakulti Pertanian Lestari
15. Pengurus Web, Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan
16. Pengurus Web, Fakulti Psikologi dan Pendidikan
17. Pengurus Web, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan
18. Pengurus Web, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan
19. Pengurus Web, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
20. Pengurus Web, Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar
21. Pengurus Web, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
22. Pengurus Web, Pusat Pengajian Pascasiswazah
23. Pengurus Web, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
24. Pengurus Web, Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah
25. Pengurus Web, Pusat Sukan
26. Pengurus Web, Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri
27. Pengurus Web, Pusat Kelestarian dan Libatsama Masyarakat
28. Pengurus Web, Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
29. Pengurus Web, Pusat Minda Lestari
30. Pengurus Web, Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
31. Pengurus Web, Pusat Pengurusan Ecocampus
32. Pengurus Web, Pusat Instrumentasi dan Perkhidmatan Sains
33. Pengurus Web, Pusat Pelaburan, Endowmen dan Wakaf
34. Pengurus Web, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Kualiti Akademik
35. Pengurus Web, Pusat E-Pembelajaran
36. Pengurus Web, Pusat Pengantarabangsa dan Penglibatan Global
37. Pengurus Web, Pusat Kerjaya dan Alumni
38. Pengurus Web, Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan
39. Pengurus Web, Institut Penyelidikan Bioteknologi
40. Pengurus Web, Institut Penyelidikan Marin Borneo
41. Pengurus Web, Bahagian Audit Dalaman
42. Pengurus Web, Bahagian Keselamatan
43. Pengurus Web, Bahagian Perkhidmatan Akademik
44. Pengurus Web, Pusat Luar UMS
45. Penterjemah Bahasa Melayu
46. Penterjemah Bahasa Inggeris
47. Penterjemah Bahasa Mandarin
48. Pengurus Teknikal, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
49. Pengurus Kandungan, Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat

- 6.2 Pengurus Web yang dinamakan mestilah sekurang-kurangnya staf gred 41 dan ke atas.

- 6.3 Pengerusi boleh dari masa ke semasa menjemput wakil lain untuk menghadiri mesyuarat.
- 6.4 Pengerusi boleh menamakan mana-mana Timbalan Pengerusi sebagai pengganti untuk mempengerusikan mesyuarat.

7.0 PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DAN BAHASA INGGERIS

- 7.1 Laman web utama universiti dan JFPIB hendaklah mempunyai fungsi dwibahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

8.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS WEB

- 8.1 Menghadiri mesyuarat yang ditetapkan. Sekiranya tidak dapat hadir, Pengurus Web boleh menghantar Penolong Pengurus Web yang telah dinamakan.
- 8.2 Menjadi koordinator dalam pengemaskinian, penyelarasan dan pemantauan laman web JFPIB.
- 8.3 Memastikan maklumat sentiasa dikemaskini di laman web JFPIB.
- 8.4 Menghantar laporan pengemaskinian maklumat laman web JFPIB kepada Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) jika diperlukan.

9.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENGURUS WEB

- 9.1 Menghadiri mesyuarat sebagai wakil ganti jika Pengurus Web tidak dapat hadir ke mesyuarat yang ditetapkan.
- 9.2 Membantu Pengurus Web dalam pengemaskinian, penyelarasan dan pemantauan laman web JFPIB.

10.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JFPIB

- 10.1 Menamakan Pengurus Web dan Penolong Pengurus Web bagi mewakili JFPIB di Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW).
- 10.2 Menubuhkan jawatankuasa laman web di peringkat JFPIB yang mempunyai peranan dalam mengurus hal ehwal laman web JFPIB.
- 10.3 Melantik Pengerusi, *Webmaster* dan tambahan ahli lain jika diperlukan.

- 10.4 Pengurus Web disarankan dilantik sebagai Pengerusi jawatankuasa laman web di peringkat JFPIB.

11.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENTERJEMAH

- 11.1 Menyemak tatabahasa yang tepat bagi artikel Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin di laman web utama UMS.
- 11.2 Menterjemah keseluruhan kandungan laman web utama UMS ke Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin.
- 11.3 Penterjemah berperanan dalam mencari padanan yang terbaik demi memastikan maksud artikel/karya/bahan asal di laman web utama UMS dapat disampaikan.
- 11.4 Mengesahkan ketepatan maksud kandungan di laman web utama UMS.

12.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS TEKNIKAL, JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

- 12.1 Memastikan kapasiti perkakasan dan perisian yang mencukupi untuk menampung operasi laman web.
- 12.2 Membuat perancangan perolehan perkakasan dan perisian bagi pengurusan laman web untuk menampung keperluan masa hadapan.
- 12.3 Memastikan laman web memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan.
- 12.4 Menyediakan khidmat bantuan teknikal kepada pengguna yang menghadapi masalah semasa menggunakan modul aplikasi laman web.
- 12.5 Mengesyorkan keperluan-keperluan infrastruktur dan sokongan teknikal bagi laman web kepada Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW).
- 12.6 Menghantar laporan teknikal laman web UMS kepada Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) jika diperlukan.
- 12.7 Membenteng laporan teknikal laman web UMS semasa mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) jika diperlukan.

13.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS KANDUNGAN, PUSAT PENGURUSAN STRATEGIK DAN KOMUNIKASI KORPORAT

- 13.1 Menjadi koordinator dalam pengemaskinian, penyelarasan dan pemantauan laman web utama UMS.
- 13.2 Memastikan maklumat sentiasa dikemaskini di laman web utama UMS.
- 13.3 Menghantar laporan kandungan laman web utama UMS kepada Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) jika diperlukan.
- 13.4 Membenteng laporan kandungan laman web utama UMS semasa mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) jika diperlukan.

14.0 MESYUARAT JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

- 14.1 Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW) akan dijalankan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

15.0 KUORUM BAGI JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

- 15.1 Pengerusi dan 1/3 dari bilangan ahli hendaklah membentuk kuorum bagi Mesyuarat Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW).

LAMPIRAN 1: STRUKTUR JAWATANKUASA LAMAN WEB UMS (JLW)

Struktur Jawatankuasa Laman Web UMS (JLW)

